

Submission date: 31 Disember 2024

Acceptance date: 11 Mac 2025

Available online: 5 Jun 2025

IHSAN PEMANGKIN KEHARMONIAN MASYARAKAT MAJMUK DALAM MEMBINA NEGARA MADANI

IHSAN AS A CATALYST FOR SOCIAL HARMONY IN BUILDING A MADANI NATION

^{i*} Muhammad Amir Husairi Che Rani

ⁱ Akademi, Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam Selangor

Corresponding Author; e-mail: * amirhusairi@uitm.edu.my

DOI: 10.61465/jurnalyadim.v5.227

ABSTRAK

Gagasan Malaysia MADANI yang diperkenalkan oleh kerajaan menumpukan kepada keharmonian antara masyarakat berbilang agama dan kaum di Malaysia. Hubungan antara masyarakat yang berbeza agama dan etnik ini merupakan aspek penting yang perlu diberi perhatian khusus kerana dinamik interaksi antara kumpulan ini boleh berubah dan mempengaruhi negara secara keseluruhan. Gagasan Malaysia MADANI, sebagai dasar utama negara pada masa kini, juga menekankan perpaduan dan keharmonian masyarakat. Dengan enam teras iaitu Kemampunan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan, dan Ihsan maka gagasan ini memberi tumpuan kepada pendekatan komprehensif dalam melakukan reformasi yang diperlukan untuk pembangunan negara. Artikel ini membincangkan penerapan dan pelaksanaan salah satu rukun MADANI, iaitu Ihsan, menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan terhadap buku Membangun Negara MADANI Visi dan Kerangka Dasar Reformasi*. Kertas ini juga membahas hubungan antara konsep Ihsan dalam Islam dengan rukun Ihsan yang diperkenalkan untuk membina negara madani. Selain itu, ia turut mengkaji usaha kerajaan dalam menangani cabaran seperti prejedis, jurang antara bandar dan luar bandar, serta isu-isu yang berkaitan dengan hubungan kaum dan agama dalam rangka menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih berlandaskan nilai Ihsan. Hasil kajian menunjukkan bahawa penghayatan teras Ihsan dalam gagasan Malaysia MADANI dapat memberikan kesan positif yang besar kepada masyarakat majmuk. Pelaksanaan Ihsan memperlihatkan peningkatan keharmonian masyarakat, yang akhirnya dapat mewujudkan sebuah masyarakat bertamadun dan dipenuhi dengan nilai-nilai keihsanan.

Kata Kunci: Ihsan, keharmonian, masyarakat majmuk, negara madani, Malaysia MADANI, peradaban

ABSTRACT

The Malaysia MADANI concept introduced by the government focuses on harmony among Malaysia's multi-religious and multi-ethnic society. The relationship between communities of different religions and ethnicities is an important aspect that requires special attention, as the dynamics of interaction between these groups can change and affect the country as a whole. As the nation's foremost policy today, the Malaysia MADANI concept also emphasizes societal unity and harmony. With six core principles Sustainability, Well-being, Creativity, Respect, Trust, and Ihsan this concept adopts a comprehensive approach to the necessary reforms for national development. This paper discusses the application and implementation of one of the MADANI pillars, Ihsan, using a qualitative approach with a content analysis design of the book *Membangun Negara MADANI Visi dan Kerangka Dasar Reformasi*. The paper also examines the relationship between the concept of Ihsan in Islam and the Ihsan pillar introduced to build a Madani nation. Furthermore, it explores the government's efforts to address challenges such as prejudice, the urban-rural divide, and issues related to inter-ethnic and inter-religious relations in order to make Malaysia a nation grounded in the values of Ihsan. The findings suggest that the internalization of the Ihsan core in the Malaysia MADANI concept can have a significant positive impact on the plural society. The implementation of Ihsan reflects an improvement in societal harmony, ultimately fostering a civilized society enriched with the values of compassion.

Keywords: Ihsan, harmony, plural society, madani nation, Malaysia MADANI, civilization

PENGENALAN

Malaysia adalah sebuah negara unik yang terdiri daripada pelbagai kaum, etnik, budaya, dan agama, di mana interaksi positif antara kaum perlu dijaga untuk mengekalkan keharmonian masyarakat majmuk. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2025), jumlah populasi penduduk Malaysia pada suku tahun keempat 2024 adalah dianggarkan 34.2 juta. Daripada jumlah ini, orang Melayu menyumbang sebanyak 58.1 peratus daripada jumlah penduduk, sedikit meningkat berbanding 58.0 peratus pada suku tahun keempat 2023 (ST4 2023). Penduduk etnik India menurun kepada 6.5 peratus berbanding 6.6 peratus sebelumnya, manakala peratusan Bumiputera Lain dan etnik Cina kekal pada 12.3 peratus dan 22.4 peratus masing-masing. Bumiputera Lain merangkumi Bumiputera Sabah, Bumiputera Sarawak, dan Bumiputera Semenanjung Malaysia lain. Bumiputera Sabah menyumbang 56.6 peratus daripada Bumiputera Lain, yang terdiri daripada etnik Kadazan/Dusun (31.7%), Bajau (26.5%), Murut (5.1%), dan Bumiputera Sabah lain (36.7%). Sementara itu, Bumiputera Sarawak menyumbang 32.4 peratus dan terdiri daripada etnik Iban (59.1%), Bidayuh (17.1%), Melanau (10.6%), dan Bumiputera Sarawak lain (13.2%).

Sesebuah negara terbentuk melalui persetujuan antara penduduk suatu masyarakat yang saling bekerjasama untuk memenuhi keperluan hidup. Setiap individu yang bekerjasama dalam membentuk negara mempunyai kebolehan yang berbeza namun berjanji menyumbangkan hasil kebolehan tersebut demi memenuhi keperluan individu lain agar matlamat bersama iaitu kebahagiaan tercapai (al-Farabi, 1995). Keragaman etnik yang wujud di Malaysia mewujudkan satu identiti tersendiri iaitu bersatu dalam keragaman di bawah satu panji yang berdaulat. Namun begitu, keragaman dan keharmonian etnik ini tergores dengan peristiwa berdarah pada 13 Mei 1969. Peristiwa tragis ini merekodkan pergaduhan dan rusuhan antara kaum Melayu dan Cina. Rentetan daripada itu, pelbagai usaha menyeluruh telah dilaksanakan oleh pemimpin negara dalam menguruskan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia dan ia dapat dilihat melalui pelbagai dasar dan pendekatan yang dilaksanakan. Dasar-dasar seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Pembangunan Nasional, Wawasan 2020, Islam Hadhari, 1Malaysia, Wawasan Kemakmuran Bersama, Keluarga Malaysia menggambarkan komitmen berterusan Kerajaan dalam mencapai matlamat untuk memenuhi aspirasi negara.

Bagi mengukuhkan lagi perpaduan antara kaum, kerajaan memperkenalkan gagasan Malaysia MADANI, yang terdiri daripada rukun kemampunan, kesejahteraan, daya cipta, hormat keyakinan, dan ihsan (Anwar, 2023). Prinsip ihsan, atau melakukan kebaikan, harus diterapkan dalam pelbagai dimensi kehidupan untuk merealisasikan visi negara. Namun, cabaran dalam mengekalkan keharmonian dalam kemajmukan masyarakat perlu diatasi bagi memastikan perpaduan rakyat dan penerapan nilai ihsan tidak terganggu (Riki et al., 2023). Artikel ini membincangkan bagaimana konsep ihsan dan Malaysia MADANI boleh memajukan keharmonian masyarakat majmuk serta cabaran yang dihadapi dalam interaksi antara agama.

Kemajmukan Negara Malaysia

Masyarakat majmuk merupakan satu frasa yang sangat identik dengan Malaysia kerana tertubuhnya Malaysia sebagai sebuah negara adalah dengan gabungan persetujuan dan persefahaman antara etnik yang berbilang kaum. Kemajmukan masyarakat di Malaysia merupakan realiti yang memerlukan pengurusan bijak bagi memperkuatkan elemen peradaban negara. Kepelbagaiannya kaum dan etnik yang bersatu dalam keragaman di bawah satu panji kedaulatan perlu ditabir urus dengan baik agar segala gerak kerja dan aktiviti kemasyarakatan

Sesebuah negara terbentuk melalui persetujuan antara penduduk suatu masyarakat yang saling bekerjasama untuk memenuhi keperluan hidup. Setiap individu yang bekerjasama dalam membentuk negara mempunyai kebolehan yang berbeza namun berjanji menyumbangkan hasil kebolehan tersebut demi memenuhi keperluan individu lain agar matlamat bersama iaitu kebahagiaan tercapai (al-Farabi, 1995). Keragaman etnik yang wujud di Malaysia mewujudkan satu identiti tersendiri iaitu bersatu dalam keragaman di bawah satu panji yang berdaulat. Namun begitu, keragaman dan keharmonian etnik ini tergores dengan peristiwa berdarah pada 13 Mei 1969. Peristiwa tragis ini merekodkan pergaduhan dan rusuhan antara kaum Melayu dan Cina. Rentetan daripada itu, pelbagai usaha menyeluruh telah dilaksanakan oleh pemimpin negara dalam menguruskan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia dan ia dapat dilihat melalui pelbagai dasar dan pendekatan yang dilaksanakan. Dasar-dasar seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Pembangunan Nasional, Wawasan 2020, Islam Hadhari, 1Malaysia, Wawasan Kemakmuran Bersama, Keluarga Malaysia menggambarkan komitmen berterusan Kerajaan dalam mencapai matlamat untuk memenuhi aspirasi negara.

Bagi mengukuhkan lagi perpaduan antara kaum, kerajaan memperkenalkan gagasan Malaysia MADANI, yang terdiri daripada rukun kemampunan, kesejahteraan, daya cipta, hormat keyakinan, dan ihsan (Anwar, 2023). Prinsip ihsan, atau melakukan kebaikan, harus diterapkan dalam pelbagai dimensi kehidupan untuk merealisasikan visi negara. Namun, cabaran dalam mengekalkan keharmonian dalam kemajmukan masyarakat perlu diatasi bagi memastikan perpaduan rakyat dan penerapan nilai ihsan tidak terganggu (Riki et al., 2023). Artikel ini membincangkan bagaimana konsep ihsan dan Malaysia MADANI boleh memajukan keharmonian masyarakat majmuk serta cabaran yang dihadapi dalam interaksi antara agama.

Kemajmukan Negara Malaysia

Masyarakat majmuk merupakan satu frasa yang sangat identik dengan Malaysia kerana tertubuhnya Malaysia sebagai sebuah negara adalah dengan gabungan persetujuan dan persefahaman antara etnik yang berbilang kaum. Kemajmukan masyarakat di Malaysia merupakan realiti yang memerlukan pengurusan bijak bagi memperkuatkan elemen peradaban negara. Kepelbagaiannya kaum dan etnik yang bersatu dalam keragaman di bawah satu panji kedaulatan perlu ditabir urus dengan baik agar segala gerak kerja dan aktiviti kemasyarakatan

dan kewatanan dapat berjalan dengan lancar. Untuk memastikan perpaduan antara kaum, kerajaan telah memperkenalkan pelbagai dasar, termasuk pendekatan muhibah yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman, sebagai formula awal dalam memupuk kesepaduan dan interaksi positif antara kaum di era pasca kemerdekaan (Enizahura, 2024). Pendekatan ini diterima baik oleh masyarakat dalam usaha membangun perpaduan negara.

Kamar Oniah (2013) menyatakan bahawa Prinsip Muhibah dicadangkan sebagai parameter utama dalam meneruskan kelangsungan masyarakat majmuk yang harmoni, sihat dan bahagia di Malaysia melalui lima prinsip iaitu:

- i. *The principle of non-interference and non-intrusion* (iaitu tidak mencampuri urusan intra agama dan intra kaum yang melibatkan agama dan masyarakat lain).
- ii. *The principle of Difference and Decorum* (iaitu mengakui, memahami dan menghormati perbezaan dan sensitiviti agama lain dan masyarakat).
- iii. *The principle of sympathy and empathy* (iaitu berbuat baik kepada orang lain dan melayan orang lain dengan selayaknya).
- iv. *The principle of Communal Cooperation* (iaitu untuk memanfaatkan dan menjadikan perkara yang lazim dan selari dengan etika agama untuk kebaikan dan manfaat semua).
- v. *The principle of Unity in Diversity* (iaitu mewujudkan kesetiaan dan patriotik kepada negara melalui semangat perpaduan di kalangan rakyat).

Namun begitu, dalam keghairahan mengecapi perpaduan dan keharmonian antara kaum, Malaysia pernah mengalami peristiwa berdarah iaitu rusuhan kaum yang berlaku pada 13 Mei 1969. Peristiwa berdarah ini meninggalkan bekas luka yang mengambil masa yang amat lama untuk pulih. Rentetan dari pasca 13 Mei 1969, pihak kerajaan dengan giat melaksanakan pelbagai usaha bagi memulihkan luka sengkata antara kaum demi memastikan keharmonian dapat dikekalkan. Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Kedua, telah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baharu (DEB) dalam usaha mengembalikan kestabilan dan keharmonian antara kaum di Malaysia. Suraya et al. (2019) menyatakan hubungan antara etnik di Malaysia melalui tiga fasa: era konflik, era stabil tetapi tegang, dan era kesepaduan nasional. Oleh itu, agenda

pengekalan keharmonian ini diteruskan oleh para pemimpin negara dengan dasar-dasar yang diperkenalkan seperti Wawasan 2020, Islam Hadhari, 1Malaysia, Keluarga Malaysia (Abdul Aqmar & Hussain Yusri, 2024; Enizahura, 2024).

Menurut Mohd Anuar dan Mohammad Aizat (2011), walaupun negara lain seperti Bosnia, Rwanda, dan Maluku mengalami konflik perkauman hingga membawa kepada genosid, Malaysia berjaya mengekalkan kestabilan walaupun pernah melalui peristiwa seperti 13 Mei 1969 dan insiden Kampung Medan. Salah satu langkah dalam melanggengkan keharmonian antara kaum adalah dengan menerapkan konsep ‘uruf majmuk’ di Malaysia yang merujuk kepada amalan kebiasaan yang diterima oleh masyarakat majmuk tanpa bertentangan dengan prinsip Islam. Contohnya, tradisi ziarah dan "rumah terbuka" semasa perayaan membantu memperkuuh hubungan antara kaum dan agama, memupuk kasih sayang serta integrasi nasional. Omar Sarif et al. (2023) menyatakan bahawa monarki berperlembagaan juga mengambil peranan dalam mengeratkan keharmonian, seperti yang dilihat dalam ekspedisi Kembara Kenali Borneo yang dilancarkan oleh Yang di-Pertuan Agong bagi memperkuatkan perpaduan rakyat dengan institusi raja.

Seiring dengan perubahan tampuk kepimpinan negara, Perdana Menteri Kesepuluh, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam rangka mengekalkan kestabilan dan keharmonian masyarakat majmuk telah memperkenalkan gagasan Malaysia MADANI. Dengan berpaksikan kepada enam teras kemampanan, kesejahteraan, Daya cipta, hormat, keyakinan, dan Ihsan, ia dilihat merupakan usaha murni dari pihak kerajaan dalam meneruskan usaha pemimpin terdahulu bagi mencapai kemajuan negara melalui padanan dengan keanekaragaman dan kemajmukan masyarakat (Enizahura, 2024).

Menurut Anwar (2023), pemupukan sikap saling hormat menghormati sesama rakyat sebagai norma sosial dan budaya untuk memastikan keterangkuman semua adalah cerucuk utama dalam menyuburkan sifat Ihsan, peduli dan kasih sayang dalam setiap anggota masyarakat bagi mewujudkan keamanan. Anwar menambah lagi, mengasih orang lain seperti keluarga, sahabat handai, jiran tetangga dan masyarakat secara keseluruhannya adalah teras kepada sebuah visi Malaysia yang ihsan. Justeru, pelaksanaan teras ihsan ini dapat mengukuhkan kestabilan dan mencerminkan keberhasilan dasar-dasar tersebut dalam memenuhi aspirasi nasional untuk perpaduan dan keharmonian (Abdul Aqmar & Hussain Yusri, 2024; Enizahura, 2024).

Konsep Ihsan Menurut Perspektif Islam dan Malaysia MADANI

Ihsan, menurut Ibn Manzur (t.th:208) dan Al-Fayruzabadi (2008), bermaksud lawan kepada kerosakan dan merujuk kepada keikhlasan, yang merupakan syarat penting bagi kesahihan iman dan Islam. Ihsan juga menunjukkan kedekatan hati serta ketataan kepada Allah SWT. Al-Qahtani (1999) menambah bahawa ihsan merangkumi keelokan zahir dan batin, dan ia membawa kesedaran bahawa setiap perbuatan diperhatikan oleh Allah SWT, yang mendorong rasa takut kepada-Nya dan meningkatkan kesungguhan dalam menyempurnakan ibadah.

Perkataan ihsan sering kali disebut dalam al-Quran sebagai peringatan bahawa segala tindakan manusia sentiasa berada di bawah pengawasan dan kekuasaan Allah SWT. Dalam surah al-Baqarah (2:195), Allah SWT berfirman mengingatkan bahawa tidak ada perbuatan manusia yang terlepas dari perhatian-Nya.

“Dan baiklah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya” (Abdullah Basmeih, 2013).

Ayat di atas menunjukkan bahawa ihsan merupakan perbuatan baik seorang mukmin dengan mengerjakan perintah dan menjauhi segala larangan serta sentiasa berinfak pada jalan Allah SWT. Berbuat baik kepada segenap golongan masyarakat juga merupakan ciri-ciri orang yang mempunyai sifat Ihsan (Al-Tabari, 1994).

Konsep ihsan juga merupakan nilai mulia yang ditekankan oleh Rasulullah SAW melalui sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Umar r.a.:

“(Ihsan itu hendaklah) engkau beribadat kepada Allah SWT seolah-olah engkau melihatnya. Sekiranya engkau tidak dapat melihatnya, maka dia (Allah SWT) melihatmu.” (Muslim, *Sahih Muslim, Kitab al-Iman, Bab Ma’rifat al-Iman wa al-Islam wa al-Qadr wa ‘alamat al-Sa’ah*, no. 9).

Selain daripada Iman dan Islam, hadis tersebut menerangkan konsep Ihsan yang sebenar dalam kehidupan beragama, iaitu dengan mengabdikan diri kepada Tuhan. Konsep ini juga menggambarkan bahawa dalam kehidupan manusia, khususnya dalam menjalankan ibadat kepada Pencipta, berinteraksi, dan bermuamalah dengan sesama manusia (Izzaty Ulya Munirah et al., 2015). Al-Baghawi (1988), dalam tafsirnya mengenai ayat 90 surah al-Nahl, menjelaskan bahawa ihsan lebih menekankan perbuatan baik dalam hubungan antara manusia dalam semua

urusan. Kajian oleh Nozira dan Maryam Zulaikha (2023) pula mendapati bahawa ihsan adalah prinsip yang melibatkan perilaku baik dan buruk antara manusia, serta hubungan antara manusia dengan Tuhan dan alam. Konsep ihsan merangkumi dua aspek utama, iaitu ihsan dalam ibadah kepada Allah dan ihsan dalam memenuhi hak sesama makhluk melalui perbuatan baik.

Menurut Anwar (2023), rukun Ihsan yang termaktub dalam gagasan Malaysia MADANI ini merupakan cerakinan daripada perintah Allah SWT yang terkandung dalam al-Quran serta cerminan daripada keperibadian dan ketokohan junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Ihsan yang diperkenalkan oleh Anwar melalui gagasan Malaysia MADANI bukanlah semata-mata mempedulikan golongan yang kurang bernasib baik, malah turut memberdaya seluruh rakyat melalui penyediaan keperluan asas yang mencukupi, makanan bergizi seimbang, perumahan mampu milik, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan bersesuaian serta sokongan berterusan untuk golongan yang miskin dan terpinggir.

Dasar ihsan yang diperkenalkan oleh Anwar (2023) adalah memberi keutamaan kepada masyarakat yang kurang bernasib baik serta golongan dinafikan haknya di negara ini dengan menyalarkan golongan miskin di bandar, di desa serta kawasan pedalaman. Ia meliputi golongan berkeperluan khas dan warga emas serta golongan bawah umur dalam pelbagai lapisan masyarakat. Selain itu, konsep ihsan yang diperkenalkan turut mensasarkan institusi pendidikan, institusi kerajaan, sektor perniagaan dan syarikat.

Menurut Hasan Al-Banna et al. (2024), penerapan nilai ihsan menjadi panduan penting untuk memotivasi individu agar sentiasa melakukan amalan berintegriti serta menjauhkan diri dari perbuatan yang tidak berintegriti. Nilai ihsan yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan juga berfungsi sebagai pemangkin bagi para pekerja dalam mengamalkan sifat-sifat kebaikan, seperti nilai-nilai murni, kesungguhan dalam bekerja, dan rasa tanggungjawab. Ini mampu mewujudkan budaya kerja berintegriti yang memberi impak positif terhadap motivasi rakyat dan mengawal tingkah laku seseorang (Hasan Al-Banna et al., 2024). Oleh itu, penerapan nilai ihsan membuat individu lebih berhati-hati dan waspada dalam setiap tindakan agar sentiasa berada dalam keredaan Allah SWT (Nur Syazwani et al., 2024).

Dalam melaksanakan dasar ihsan yang diperkenalkan, pelbagai usaha dilakukan dalam menjamin semua rakyat merasai kepedulian kerajaan antaranya penubuhan Kesatuan Kredit Ihsan dan Prihatin dan institusi kewangan yang ihsani yang menyediakan pembiayaan untuk membasmi kemiskinan, mempromosi perusahaan kecil dan menggalakkan daya cipta di kawasan

luar bandar dan bandar. Selain itu, pihak kerajaan memperkenalkan kurikulum berteraskan nilai ihsan di sekolah rendah dan menengah serta mempromosikan kempen-kempen yang mendukung nilai ihsan di rumah, tempat kerja, sekolah dan di seluruh negara. Pihak kerajaan juga menyediakan biasiswa dan geran dalam menggalakkan penerokaan penyepaduan ihsan dalam budaya Malaysia (Anwar, 2023). Oleh itu, dasar ihsan yang diperkenalkan memberi manfaat yang sangat besar kepada segenap lapisan masyarakat dan ia dapat menjadi teras utama dalam mempraktikkan konsep berbuat baik yang digariskan dalam Islam.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif digunakan dengan reka bentuk analisis kandungan terhadap teks. Pengumpulan data dilakukan melalui analisis teks dari buku Membangun Negara MADANI Visi dan Kerangka Dasar Reformasi serta hubungan antara rukun Ihsan yang diperkenalkan dengan teks al-Quran dan hadis. Kajian turut melibatkan penelitian terhadap karya-karya ulama Islam berkaitan kenegaraan, seperti Al-Farabi dalam memahami konsep negara madani. Perbincangan dapatan kajian dibuat mengikut analisis deskriptif bagi mencapai objektif kajian.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Ihsan Dalam Kerangka Negara Madani

Konsep masyarakat dan negara madani diperkenalkan oleh Anwar Ibrahim dalam ceramahnya di Festival Istiqlal, Jakarta, pada 26 September 1995, di mana beliau menjelaskan bahawa kedatangan Islam bukan hanya membawa pandangan hidup baru yang mengutamakan akal dan pemikiran rasional, tetapi juga mencetuskan revolusi ruhaniah dan intelektual yang mendorong perubahan sosial serta menekankan kemuliaan manusia (Zulfiani, 2019). Di Malaysia, istilah masyarakat madani menjadi penting apabila kerajaan memperkenalkan kerangka dasar baru, gagasan Malaysia MADANI, pada 19 Januari 2023, yang menggariskan enam teras utama: Kemampunan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan, dan Ihsan. Pendekatan ini bersifat komprehensif dalam agenda reformasi untuk memperkuuh negara (Nik Khusairie & Azmi, 2023; Enizahura, 2024).

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan "Madani" merujuk kepada kemajuan dalam aspek pemikiran, kerohanian, dan kebendaan yang berkaitan dengan masyarakat. Ia juga

menggambarkan usaha untuk membentuk masyarakat dengan menanamkan nilai-nilai murni kekeluargaan yang bertujuan ke arah pembinaan masyarakat yang lebih baik. Menurut Osman Bakar (1997), beberapa pemikir Islam seperti Al-Farabi, Ibn Miskawayh dan Ibn Khaldun telah membahaskan teori masyarakat madani. Al-Farabi (1995) menjelaskan bahawa perbincangan mengenai negara utama bermula dengan memahami asal-usul negara, yang terbentuk kerana manusia saling bergantung antara satu sama lain untuk memenuhi keperluan hidup mereka. Ini merupakan asas pertama dalam pembentukan negara. Beliau juga menegaskan bahawa “*al-madīnah al-fāḍilah*” (negara utama) terhasil daripada persetujuan bersama masyarakat yang saling membantu dalam memenuhi keperluan hidup mereka.

Negara utama menurut Al-Farabi (1995) menyerupai tubuh badan yang sempurna dan sihat. Setiap anggota saling bekerjasama dalam menyempurnakan kehidupan haiwan (manusia yang bercakap) bagi meneruskan kelangsungan hidup. Jantung merupakan organ pusat dalam tubuh badan dan berfungsi melayani semua anggota badan yang lain. Begitulah pula dengan negara utama yang terdiri dari warganegara dengan pelbagai jenis kemampuan dan bakat saling bekerjasama antara satu sama lain. Di antara mereka ada pemimpin negara dan sejumlah warganegara yang berbeza fungsinya satu sama lain namun menggembungkan tenaga dan daya fikir dalam memastikan kemakmuran negara utama.

Untuk mempromosikan nilai-nilai peradaban dan tamadun yang sesuai dengan Malaysia, MADANI menterjemahkan prinsip-prinsip yang mudah difahami dan diaplikasikan sebagai nilai-nilai kebersamaan dalam masyarakat berbilang kaum di negara ini. Berkennaan kerangka Dasar MADANI, Dato' Seri Anwar Ibrahim (Anwar, 2023) menjelaskan:

“Matlamat kita adalah untuk merubah Malaysia menjadi sebuah negara yang mampan, sejahtera, berdaya cipta, saling menghormati serta bersikap ihsan berdasarkan keyakinan antara satu sama lain. Kata kunci visi ini adalah MADANI, yang pada asasnya merupakan kepercayaan antara kerajaan dengan rakyat atas dasar ketelusan dan kerjasama. Ia mengiktiraf hak setiap warganegara Malaysia tanpa mengira latar belakang untuk hidup dalam persekitaran yang mampan dan menyumbang kepada kesejahteraan bangsa. Ia menyokong usaha-usaha ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara yang berdaya cipta dan kreatif. Ia memupuk sikap saling menghormati sesama rakyat sebagai norma sosial dan budaya untuk memastikan keterangkuman semua. Ia menyuburkan sifat ihsan, peduli dan kasih sayang dalam setiap anggota masyarakat untuk mewujudkan keamanan”.

Dalam melaksanakan agenda reformasi negara, penerapan nilai ihsan yang ditetapkan dalam konsep MADANI adalah sangat penting. Tujuannya adalah untuk memupuk keharmonian dan kesejahteraan di kalangan rakyat, menjadikan ihsan sebagai salah satu teras utama dalam usaha reformasi pembinaan negara (Enizahura, 2024).

Analisis Penerapan Ihsan Dalam Masyarakat Majmuk

Menurut Anwar Ibrahim (2023), pendekatan ihsan yang digariskan dalam teras Malaysia MADANI mengangkat definisi ihsan dari yang biasa kepada tahap yang lebih tinggi. Malaysia yang lebih ihsan bertujuan untuk membangkitkan kembali semangat keihsanan dalam diri rakyat. Konsep ihsan ini bukan hanya tentang membantu golongan yang kurang berasib baik, tetapi juga menyediakan rakyat dengan pelbagai kemudahan, termasuk keperluan asas yang mencukupi, makanan yang berkhasiat, perumahan mampu milik, penjagaan kesihatan yang baik, serta perkhidmatan dan sokongan berterusan untuk golongan miskin dan terpinggir. Rukun ihsan yang diperkenalkan ini merupakan manifestasi kefahaman terhadap ayat al-Quran dan hadis Nabi Muhammad SAW yang mengarahkan untuk berbuat baik kepada segenap golongan masyarakat.

Nilai ihsan yang diperkenalkan oleh Anwar (2023) bermatlamat mengangkat maruah dan martabat setiap rakyat, justeru itu, dasar ini haruslah melengkapi rukun-rukun MADANI bagi memulakan suatu lonjakan sosial yang baharu terhadap pembudayaan ihsan. Tambahan lagi, penekanan dan pembudayaan ihsan dalam kalangan masyarakat ditambah baik oleh pihak kerajaan dengan penetapan pematuhan kepada kerangka garis panduan ihsan dalam setiap aspek kehidupan rakyat seperti peruntukan undang-undang, institusi pendidikan, institusi kerajaan, perniagaan persendirian dan perniagaan kecil (Anwar, 2023).

Visi untuk menjadikan Malaysia lebih ihsan melibatkan seluruh masyarakat, menunjukkan bahawa kerajaan sangat prihatin terhadap kesejahteraan rakyat. Sasaran tidak hanya terhad kepada golongan yang kurang berasib baik, tetapi merangkumi semua rakyat dalam merealisasikan konsep ihsan dan pendekatan MADANI. Ini bertujuan mengekalkan rasa empati, simpati, dan belas kasihan antara satu sama lain tanpa mengira bangsa, agama, atau keturunan. Pendekatan kerajaan ini selaras dengan hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Abdullah ibn ‘Amr r.a.:

“Orang-orang yang penyayang akan disayangi oleh Yang Maha Penyayang, Maha Suci dan Maha Tinggi. Kasihilah mereka yang ada di bumi, maka mereka yang di langit akan

mengasihimu.” (Al-Tirmidhi, *Al-Jami’ al-Kabir*, *Abwab al-Bir wa al-Silah*, Bab Ma Ja’ a fi Rahmat al-Muslimin, no. 1924).

Penglibatan segenap lapisan masyarakat dalam pembudayaan ihsan oleh pihak kerajaan dilihat selaras dengan peruntukan yang telah digariskan oleh al-Farabi (1995) dalam membina sebuah negara utama. Hal ini kerana setiap rakyat yang wujud dalam sesebuah negara merupakan anggota penting dalam menggerakkan negara keseluruhannya dengan kepakaran masing-masing.

Namun, dalam keghairahan pihak kerajaan dalam melaksanakan reformasi bagi memberi kesenangan dan kemudahan kepada sekalian rakyat yang majmuk ini, sudah tentu wujud beberapa kekangan yang dapat membantutkan kelancaran pelaksanaan dasar yang diperkenalkan.

Kekangan dan Cabaran Pelaksanaan Ihsan MADANI

Pelbagai dasar telah diperkenalkan oleh pihak kerajaan dalam usaha mengubati luka peristiwa 13 Mei 1969 dengan fokus mengelakkan peristiwa berdarah itu berlaku lagi. Sikap ihsan, peduli dan kasih sayang perlu diterapkan dan disemai dalam hati setiap rakyat yang beragam etnik di Malaysia demi mengecapi tujuan utama penubuhan sesebuah negara iaitu kebahagiaan (al-Farabi, 1995). Keutamaan dan kebijakan rakyat wajib menjadi pertimbangan utama oleh pihak kerajaan dalam merancang sesuatu pelaksanaan demi memastikan nilai ihsan dan belas kasihan (Anwar, 2023) yang menjadi salah satu tonggak Malaysia MADANI itu wujud dan dipraktikkan. Dalam menzahirkan ihsan yang termaktub dalam dasar kerajaan, terdapat cabaran dan kekangan yang perlu dihadapi kerajaan bagi memastikan semua rakyat mengecapi hakikat keihsanan pemerintahan MADANI. Beberapa cabaran dan kekangan yang terpaksa dihadapi oleh pihak kerajaan dicerakinkan kepada beberapa bahagian.

a) Jurang antara masyarakat bandar dan luar bandar

Jurang antara masyarakat bandar dan luar bandar merupakan salah satu cabaran bagi menerapkan rukun Ihsan dalam gagasan Malaysia MADANI adalah jurang antara masyarakat bandar dan luar bandar. Antara penyebabnya adalah perbezaan dalam akses dan literasi ICT. Menurut Hazura et al. (2012), masyarakat luar bandar, khususnya para pelajar menghadapi cabaran seperti kekurangan peranti, akses internet yang terhad dan kadar celik teknologi yang rendah. Dalam tujuan pemerkasaan nilai ihsan, pemerkasaan luar bandar tidak dipandang sebelah mata oleh pihak kerajaan bahkan masyarakat luar bandar juga akan mengecapi prasarana dan kemudahan

teknologi dari pihak kerajaan dengan dibangunkan infrastruktur untuk akses Wi-Fi yang lebih luas (Anwar, 2023). Hal ini dapat menggiatkan lagi perapatan jurang antara masyarakat bandar dan luar bandar serta memudahkan komunikasi antara yang dekat dengan yang jauh.

Selain itu, aspek perhubungan darat juga memainkan peranan penting dalam merapatkan jurang antara masyarakat bandar dan luar bandar. Sistem pengangkutan awam yang terhad di kawasan luar bandar menyukarkan mobiliti penduduk dan akses mereka kepada peluang ekonomi dan sosial. Pengangkutan awam merupakan antara aspek yang penting dalam sistem perhubungan dan sebarang kekurangan dalam pengangkutan awam boleh menjaskannya kualiti hidup masyarakat (Mohd Syafiq Asyraaf & Zurinah, 2021). Menurut Anwar (2023), seperti juga kemajuan di bandar, masyarakat luar bandar menerima manfaat dasar ihsan melalui penubuhan unit perubatan bergerak dan klinik penyedia penjagaan kesihatan luar bandar.

Seiring dengan usaha untuk merapatkan jurang antara kawasan luar bandar dan bandar, kita akan terus mengukuhkan hubungan yang lebih bermakna antara kedua-dua kawasan ini dalam kepelbagaian masyarakat yang berbilang bangsa. Selain itu, usaha juga akan dijalankan untuk memperkuuhkan nilai ihsan di kawasan luar bandar agar penduduknya merasa bahawa mereka tidak perlu berpindah ke bandar untuk mendapatkan kehidupan yang lebih baik (Anwar, 2023).

b) Jurang dalam pendidikan

Semasa era penjajahan British, sistem pendidikan di Malaysia dibentuk untuk memenuhi kepentingan dan keperluan kolonial (Norizan, 2022). Sekolah-sekolah Melayu, Cina dan Tamil ditubuhkan, yang kemudiannya membawa kepada pembentukan etnik yang kuat dalam sistem pendidikan. Namun begitu, dunia pendidikan mengalami perubahan apabila dikuatkuasakan Akta Bahasa Kebangsaan pada 1967 dan ditetapkan bahawa penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam pendidikan. Walaubagaimanapun, sekolah-sekolah jenis kebangsaan dibenarkan menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar dan langkah ini bertujuan untuk mempromosi perpaduan nasional melalui penggunaan bahasa kebangsaan (Murni & Ahmad Kamal Ariffin, 2019). Namun begitu, perbezaan dari segi bahasa dan budaya serta ditambah lagi kewujudan sekolah berasaskan bangsa dengan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar dapat menyulitkan pembentukan identiti nasional (Enizahura, 2024).

Bagi memastikan kejayaan generasi akan datang dan menjamin masa depan Malaysia yang lebih gemilang, dasar pendidikan perlu diberikan keutamaan utama. Sebagai langkah awal, kerajaan merangka dan memperkenalkan kurikulum yang berasaskan nilai ihsan di peringkat sekolah rendah dan menengah. Selain itu, di luar bilik darjah, kita perlu giat mempromosikan kempen-kempen yang menyokong serta menekankan nilai ihsan di rumah, tempat kerja, sekolah, dan seluruh negara, dengan tujuan untuk menyatukan nilai-nilai Islam, budaya tempatan, konsep agama dan falsafah lain, serta latar belakang sejarah yang kaya dengan kepelbagaiannya masyarakat (Anwar, 2023).

Di peringkat pengajian tinggi, penyelidikan yang membincangkan isu dan dasar ihsan di universiti serta institusi pendidikan lain perlu digalakkan. Penyelidikan tersebut harus diberi tumpuan khususnya terhadap inovasi sosial yang berlaku di kawasan luar bandar dan bandar (Anwar, 2023).

Bagi meringankan beban perbelanjaan pendidikan, kerajaan mewujudkan biasiswa dan geran sebagai inisiatif untuk masyarakat dalam meneroka penyepaduan nilai ihsan ke dalam budaya Malaysia. Dalam usaha untuk menerapkan nilai ihsan dalam sistem pendidikan negara, kerajaan harus terus mencari kaedah bagi mengurangkan kos pendidikan serta menyediakan peluang yang setara, sekaligus menghapuskan beban kewangan bagi mereka yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi (Anwar, 2023).


c) Hubungan antara kaum dan agama

Hubungan antara masyarakat berbilang kaum dan agama perlu diberikan perhatian serius oleh kerajaan untuk memastikan keharmonian masyarakat majmuk yang muhsin di Malaysia terus terpelihara. Laporan Kajian Isu dan Cabaran dalam Hubungan antara Penganut Agama di Malaysia (2015) menyebut bahawa sikap prejudis masih wujud dalam kalangan masyarakat.

Laporan Kajian Isu dan Cabaran dalam Hubungan antara Penganut Agama di Malaysia (2015) juga menunjukkan tahap persepsi terhadap agama mengikut etnik di Semenanjung Malaysia, di mana etnik Melayu mencatatkan persepsi positif sebanyak 94%, manakala etnik Melayu di Sabah mencapai 63.2% dan di Sarawak pula sebanyak 98%. Bagi etnik Cina di Semenanjung, persepsi positif direkodkan pada kadar 94%, di Sabah pula etnik Cina mencatatkan 66.7%, sementara di Sarawak mencapai 95.5%. Sementara itu, bagi etnik India di

Semenanjung, tahap persepsi positif mencatatkan 99%, di Sabah 66.7%, dan di Sarawak pula mencapai 100%.

Menurut Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN) (2022), pencapaian tahap perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia pada tahun 2022 adalah sederhana dan terkawal. Tahap perpaduan dalam masyarakat Malaysia adalah lebih baik kerana meningkat sebanyak 0.062 mata berbanding IPNas 2018 ($R^2=0.567$) seperti yang dipaparkan pada Rajah 1.



Rajah 1: Pencapaian IPNas Sumber: IKLIN (2022)

Konstruk Etos Bangsa (EB), Hubungan Sosial Rentas Etnik (HSRE) dan Tahap Keetnikan (TK) juga menunjukkan peningkatan berbanding IPNas 2018. Data ini boleh dilihat Jadual 1 di bawah.

| Konstruk | R^2 (2022) | R^2 (2018) | Peningkatan Mata |
|----------|--------------|--------------|------------------|
| KS | 0.629 | 0.567 | +0.062 |
| EB | 0.644 | 0.465 | +0.179 |
| HSRE | 0.345 | 0.146 | +0.199 |
| TK | 0.093 | 0.083 | +0.010 |

Petunjuk: KS=Kesepaduan Sosial, EB=Etos Bangsa, HSRE=Hubungan Sosial Rentas Etnik, TK=Tahap Keetnikan Tinggi (0.75-1.00); Sederhana (0.50-0.74); Rendah (0.25-0.49); Lemah (0.0-0.24)

Jadual 1: Nilai IPNas 2022 Dalam Masyarakat Malaysia Sumber: IKLIN (2022)

Walaupun tahapnya belum membimbangkan, namun jika tidak dikawal, ia boleh menjelaskan keharmonian masyarakat serta menyukarkan usaha mencapai kesepaduan dan pembentukan masyarakat madani. Untuk menangani isu ini, Kementerian Perpaduan Negara (2023) menterjemahkan Dasar Malaysia MADANI dengan melancarkan program seperti Kembara Perpaduan Malaysia MADANI, yang merangkumi tiga kluster utama: Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan, dan Komuniti Rahmah. Program ini bukan sahaja menyuburkan keharmonian, tetapi juga memupuk nilai ihsan dalam kalangan masyarakat demi membentuk masyarakat madani yang muhsin dalam semua aspek.

Gagasan Malaysia MADANI yang diperkenalkan oleh kerajaan menekankan pentingnya agenda ketamadunan dan nilai ihsan sebagai asas utama dalam membina negara yang harmoni, makmur, dan berperadaban tinggi. Usaha ini memerlukan tindakan aktif kerajaan untuk membentuk masyarakat yang berilmu, dengan nilai-nilai dan etika kukuh sebagai asas kepada pengukuhan negara. Masyarakat yang tinggi peradabannya akan memastikan keharmonian, keamanan, dan perpaduan terus dipelihara, dengan tujuan mencapai kemajuan negara secara kolektif.

KESIMPULAN

Sebagai sebuah negara dengan masyarakat yang berbilang kaum, agama, dan budaya, adalah penting untuk memastikan setiap agenda atau dasar negara mengambil kira kepelbagaian ini. Keharmonian memainkan peranan utama kerana keadaan negara yang aman dan damai menyediakan persekitaran yang diperlukan untuk mencapai kemajuan, bukan sahaja dalam bidang ekonomi, sosial, dan politik, tetapi juga dalam mencipta suasana kondusif bagi perkembangan ilmu dan pemikiran dalam kalangan rakyat. Dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan menetapkan matlamat dan hala tuju negara. Oleh itu, penting untuk memastikan dasar atau visi negara dilihat dari pelbagai perspektif, dengan fokus untuk tidak bersifat terasing serta memiliki hala tuju yang jelas dan realistik. Kerangka Malaysia MADANI menggariskan aspek penting yang perlu diperbaiki dalam dasar terdahulu serta menafsirkan prinsip-prinsip utama gagasan ini untuk membawa perubahan dan reformasi yang diperlukan.

Walau bagaimanapun, untuk menggerakkan Malaysia ke arah negara yang berlandaskan nilai ihsan, adalah penting agar Malaysia MADANI difahami dengan mendalam oleh semua peringkat, termasuk agensi-agensi berkaitan untuk pelaksanaan, serta oleh seluruh lapisan masyarakat yang perlu memahami gagasan ini dan merasai kesan positif dari usaha tersebut. Nilai-nilai ihsan seperti hormat, kasih sayang, akhlak mulia, kerjasama, serta kebahagiaan individu dan masyarakat harus menjadi asas dalam pembinaan masyarakat yang harmonis dan sejahtera. Nilai-nilai ini perlu diberi penekanan khusus dalam semua bentuk dasar dan program yang berkaitan dengan pembentukan masyarakat Malaysia MADANI, untuk memastikan setiap golongan masyarakat merasai manfaat daripada keadilan dan kebersamaan. Nilai-nilai ketamadunan ini juga perlu diterjemahkan ke dalam enam rukun yang menjadi asas kepada Gagasan Malaysia MADANI, bagi membentuk negara yang lebih berdaya saing, mampan, dan sejahtera dari pelbagai aspek ketamadunan.

PENGHARGAAN

Penghargaan ditujukan kepada pihak Akademi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Terengganu dan pihak yang terlibat dalam memberi kerjasama dan sokongan kepada penulis.

RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim

Abdul Aqmar Ahmad Tajudin & Hussain Yusri Zawawi. (2024). Federalisme dan Negara Bangsa: Memikirkan pembudayaan budaya politik federal dalam pembinaan kenegaraan Malaysia. *Journal of Administrative Science*, 21, 65–94. https://jas.uitm.edu.my/images/2024_APRL/5.pdf

Abdullah Basmeih. (2013). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*. ed. ke-22. Darulfikir.

Al-Baghawi, Al-Husayn ibn Mas'ud. (1988). *Tafsir Al-Baghawi*. Dar Taybah.

Al-Farabi, Abu Nasr Muhammad ibn Muhammad. (1995). *Ara' Ahl al-Madinah al-Fadilah wa Mudadatuha*. Dar wa Maktabah al-Hilal.

Al-Fayruzabadi, Majd al-Din ibn Muhammad ibn Ya'qub. (2008). *Qamus al-Muhit*. Dar Al-Hadith.

- Al-Qahtani, Said ibn Ali ibn Wahf. (1999). *Nur al-Islam wa Zulumat al-Kufr fi Daw' al-Kitab wa al-Sunnah*. Maktabah Al-Malik Fahd Al-Wataniyyah.
- Al-Tabari, Muhammad ibn Jarir. (1994). *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ay al-Qur'an*. Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Tirmidhi, Abu Isa Muhammad ibn Isa. (1996). *Al-Jami' al-Kabir*. Dar al-Gharb al-Islami.
- Anwar Ibrahim. (2023). *Membangun Negara Madani Visi dan Kerangka Dasar Reformasi*. IDE Research Centre Sdn. Bhd.
https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/buku/2023/ogos/E-BOOK_MEMBANGUN_NEGARA_MADANI.pdf
- Enizahura Abdul Aziz. (2024). Keharmonian masyarakat majmuk dalam kerangka Malaysia MADANI: Satu analisis awal. *Jurnal Dunia Pengurusan*, Vol. 6, No. 1, 14-22 .
<https://doi.org/10.55057/jdpg.2024.6.1.2>
- Hasan Al-Banna Mohamed, Norashikin Sahol Hamid, Elmi Baharuddin, Sayuti Ab Ghani, & Ahmad, A. (2024). Konsep ihsan pemangkin sistem pengurusan organisasi yang berkualiti dalam pembinaan negara MADANI. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(4), 32–43. <https://al-qanatir.com/aq/article/view/939>
- Hazura Mohamed, Hairulliza Mohamad Judi, Siti Fadzilah M. Noor, & Zawiyah M. Yusof. (2012). Jurang Digital dan Pendidikan di Luar Bandar: Tahap Literasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi Pelajar. *Asia Pacific Journal of Information Technology and Multimedia Jurnal Teknologi Maklumat dan Multimedia Asia Pasifik*, 1(2).
- Ibn Manzur, Muhammad ibn Mukarram. (t.th.). *Lisan Al-Arab*. Al-Maktabah Al-Tawfiqiyyah.
- IKLIN (2022). Indeks Perpaduan Nasional 2022 (IPNas 2022). Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN). Kementerian Perpaduan Negara.
https://www.perpaduan.gov.my/images/2023/document/dasar/ipnas/LAPORAN_AKHIR_IPNAS_2022_BM.pdf
- Izzaty Ulya Munirah, A. A., Ahmad Irdha, M. & Zulkefli, A. (2015). *Ihsan Dalam Pengurusan Organisasi Islam. Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah*. Ahmad Irdha, M. & Zulkefli, A. (eds). UKM, Bangi, Selangor: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2025) Perangkaan Demografi Malaysia, Suku Tahun Keempat 2024. <https://www.dosm.gov.my/portal-main/downloads-log?id=9216>
- Kamar Oniah Kamaruzaman. (2013). Religion and Pluralistic Co-Existence: The Muhibah Perspective (A Collection of Seminar Paper). IIUM Press.
- Kementerian Perpaduan Negara. (2023). Membangun Malaysia Madani Melalui Konsep Perpaduan Dalam Kepelbagai. <https://www.perpaduan.gov.my/images/2023/dasar/PerpaduanMalaysiaMadani/PerpaduanMalaysiaMadani.pdf>

Laporan Kajian Isu dan Cabaran dalam Hubungan antara Penganut Agama di Malaysia. (2015).https://www.researchgate.net/profile/FatahyahYahya/publication/288827698_Kajian_Isu_Dan_Cabaran_Hubungan_Antara_Penganut_Agama_Di_Malaysia/links/5684c61608ae197583938edb/Kajian-Isu-Dan-Cabaran-Hubungan-Antara-Penganut-Agama-Di-Malaysia.pdf

Mohd Anuar Ramli & Mohammad Aizat Jamaludin. (2011). Uruf majmuk: konsep dan amalannya dalam masyarakat majmuk di Malaysia. *Jurnal Fiqh*, 8(1), 45–64. <https://doi.org/10.2252/fiqh>

Mohd Syafiq Asyraf Mod Talmizi & Zurinah Tahir. (2021). Persepsi Terhadap Tahap Keberkesanan Pengangkutan Awam. *e-BANGI*, 18(2), 213-227. <http://journalarticle.ukm.my/16956/1/46778-151098-1-SM.pdf>

Murni Deraman & Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus. (2019). Perjuangan guru-guru Melayu memartabatkan Bahasa kebangsaan selepas kemerdekaan sehingga 1970. *SEJARAH: Journal of the Department of History*, 28(1) (June)). <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol28no1.5>

Muslim, ibn al-Hajjaj, al-Naysaburi. (2006). *Sahih Muslim*. Dar Taybah.

Nik Khusairie Jaafar & Azmi Aziz. (2023). Epistemologi masyarakat madani dan masyarakat civil: mengenal pasti jurang penyelidikan melalui tinjauan literatur sistematisk. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(10), e002552–e002552. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i10.2552>

Norizan Kadir. (2022). Antara stigma dengan realiti: Naratif colonial tentang pendidikan Islam dan perbahasan ilmu keduniaan di Tanah Melayu. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 15(1), 91–116. [https://doi.org/10.37052/jm.15\(1\)no5](https://doi.org/10.37052/jm.15(1)no5)

Nozira Salleh & Maryam Zulaikha Ramlan (2023). Kesan penghayatan ihsan terhadap pembentukan akhlak remaja Islam. *Islamiyyat*, 45(2), 3–13. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2023-4502-01>

Nur Syazwani Othman, Mahfuzah Mohammed Zabidi, Fakhruzzaki, A., & Norhapizah Mohd Burhan. (2024). Penghayatan konsep ihsan dalam pendidikan berdasarkan Kitab Ihya' Ulumuddin. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(3), 156–164. <https://al-qanatir.com/aq/article/view/905>

Omar Sarif Omal Lamin, Syahirah Suhaime & Nur Faizah Abdullah. (2023). Public awareness of the constitutional monarch among society in Kota Kinabalu, Sabah. *Borneo Akademika*, 7(2), 98-105. Retrieved September 1, 2024, from <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/89631/1/89631.pdf>

Osman Bakar. (1997). Agama dan budaya teras masyarakat Madani. *Jurnal Usuluddin*, 5, 1–10. <https://sare.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/3154>

Riki Rahman, Maifuza Abdul Malik, & Nor Shela Saleh. (2023). Kesepaduan masyarakat majmuk di Malaysia: Antara harapan dan realiti. *Human Sustainability Procedia*, 3(1), 1–11. <https://doi.org/10.30880/hsp.2023.03.01.001>

Zulfiani, A. (2019). Anwar Ibrahim's political thoughts on civil society and its relevance to politics in Malaysia. *International Journal on Social Science, Economics and Art*, 9(3), 143–157. <https://ijosea.isha.or.id/index.php/ijosea/article/download/35/33>